



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088368219
Bil. : KEW(S)100-4/1/KLT.4(28)
Tarikh : 07 Mei 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

**Semua Pengurus / Pengurus Besar
Badan Berkanun Negeri**

**Semua Pengurus / Ketua Eksekutif
Syarikat Kerajaan Negeri**

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.4/2021

**PENETAPAN PERATURAN PENGURUSAN PENTADBIRAN UNTUK SEMUA
BADAN BERKANUN (BBN) DAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC).**

1. TUJUAN

Pekelliling ini bertujuan untuk menggariskan dengan jelas perkara-perkara berikut:-

- 1.1 Menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh semua Badan Berkanun (BBN) dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah (GLC) dalam melaksanakan perbelanjaan berhemah bagi mengawal kos perbelanjaan operasi dan mengelakkan pembaziran.
- 1.2 Meningkatkan sifat kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pentadbiran BBN dan GLC selaras dengan usaha memantapkan tadbir urus korporat di semua peringkat pengurusan BBN dan GLC.

“SABAH MAJU JAYA”



- 1.3 Menetapkan polisi tentang perkara-perkara yang digariskan dan ditakrifkan bagi maksud pekeliling ini seperti di para tiga (3).
- 1.4 Memberikan kuasa sepenuhnya kepada Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat untuk meminta penjelasan dan justifikasi daripada Lembaga Pengarah BBN dan GLC terhadap sebarang ketidakpatuhan kepada peruntukan dalam pekeliling ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Pengurusan Pentadbiran BBN dan GLC ini adalah berkaitan dengan hal ehwal pengurusan pentadbiran yang melibatkan implikasi kewangan kepada BBN, GLC dan semua subsidiari dibawah kawalan masing-masing bagi memastikan ia melaksanakan fungsi dan objektif penubuhan selaras dengan aspirasi dan sasaran Kerajaan Negeri Sabah.
- 2.2 Garis Panduan ini disediakan berdasarkan kepada peraturan kewangan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 4/2010 Mengenai Pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah.
- 2.3 Penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan yang serius terhadap Ekonomi Malaysia. Bagi menjamin kemampanan dan sustainabiliti BBN dan GLC untuk terus berdaya saing, tadbir urus korporat yang sedia ada perlu diperkuuhkan.

“SABAH MAJU JAYA”

- 2.4 Hasil kajian oleh *Transparency International, the global anti-corruption coalition* yang telah dikeluarkan pada 28 Januari 2021, *Corruption Perception Index (CPI)* bagi tahun 2020, melaporkan bahawa Malaysia berada di posisi 57 daripada 180 buah negara, merosot daripada posisi 51 pada tahun sebelumnya. Selain itu, penarafan ke atas *Long-Term Foreign-Currency Issuer Default Rating (IDR)* Malaysia daripada 'A-' kepada 'BBB' oleh Fitch Ratings-Hong Kong pada 4 Disember 2020 jelas menunjukkan kelemahan dalam sistem kawalan dalaman negara. Salah satu faktor yang menjadi ukuran dalam penilaian ini adalah isu ketidakpastian dalam penambahbaikan tadbir urus yang baik. Kemerosotan dalam kedua-dua isu di atas akan memberikan sentimen yang negatif dikalangan pelabur dan seterusnya mengekang pertumbuhan ekonomi negara sekiranya tidak ditangani secara efektif dan efisyen.
- 2.5 Justeru, pengurusan pentadbiran BBN dan GLC perlu menerapkan ketelusan, integriti, amanah dan akauntabiliti diperingkat Lembaga Pengarah dan semua peringkat pengurusan.

3. TAKRIF

- 3.1 Bagi tujuan Pekeliling ini, takrif pengurusan pentadbiran adalah perkara-perkara seperti berikut:
- 3.1.1 Pengujudan jawatan baharu
- 3.1.2 Penetapan gaji dan elauan diperingkat pengurusan utama
- “SABAH MAJU JAYA”**

3.2 Takrif ini termasuk semua keputusan diperingkat Lembaga Pengarah dan pengurusan BBN dan GLC yang mendatangkan implikasi kewangan kepada BBN dan GLC.

4. TATACARA PELAKSANAAN PENGURUSAN PENTADBIRAN

- 4.1 Sebarang keputusan di peringkat pengurusan dan Lembaga Pengarah BBN dan GLC yang melibatkan perkara-perkara yang digariskan di para tiga (3) hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat.
- 4.2 Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat akan bersidang dan membuat syor kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan atau semakan.
- 4.3 Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat boleh mengeluarkan arahan kepada Lembaga Pengarah BBN dan GLC untuk mengemukakan penjelasan dan dokumen-dokumen berkenaan untuk maksud tindakan di para 4.2.
- 4.4 Keputusan Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat akan dipanjangkan kepada BBN dan GLC berkenaan untuk tujuan pelaksanaan.
- 4.5 Jawatankuasa Polisi Dan Pengawasan Tadbir Urus Korporat berhak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan Pekeliling ini.

“SABAH MAJU JAYA”

5. TANGGUNGJAWAB SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN

Semua Setiausaha Tetap Kementerian hendaklah memastikan Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan Negeri di bawah seliaan masing-masing melaksana dan mematuhi Pekeliling ini.

6. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai untuk semua Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan Negeri.

7. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan secara retrospektif. Sehubungan itu, sebarang keputusan melibatkan perkara di para tiga (3) yang telah dibuat diperingkat Lembaga Pengarah dan pengurusan BBN dan GLC adalah tertakluk kepada tatacara di para 4.1.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(HAJI RUSDIN BIN RIMAN) CA(M), FCPA(A), MBA
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri

Peguam Besar Negeri

Pengarah Audit Sabah

“SABAH MAJU JAYA”